

Jiwa Digetar Muzik

GAH

Penerima Anugerah Belia Harapan Goh Chok Tong teruja dapat cipta lagu untuk Imran Ajmain dan Rahimah Rahim

► HARYANI ISMAIL
haryani@sph.com.sg

JARI JEMARINYA mesra mengetik kekunci piano sejak di bangku tadika lagi.

Idolanya sejak kecil ialah penggubah lagu dan konduktor mapan, Encik Iskandar Mirza Ismail dan Allahyarham Haji Ahmad Jaafar.

Walaupun hanya mengikuti kelas piano sehingga gred dua sahaja kerana komitmen sekolah, Encik Danial Ariffin Azman miliki bakat istimewa mencipta, mengubah dan menyusun lagu.

Pelajar tahun akhir kursus Diploma Seni Bunyi di Politeknik Republic itu bahkan pernah diberi kesempatan menyusun semula lagu Perbarisan Hari Kebangsaan (NDP) ciptaan Dick Lee, *We Will Get There*.

Lagu tersebut dipersembahkan dalam satu persembahan Simfoni Alat Bunyian Singapura di Esplanade pada Julai tahun lalu.

Beliau sekali lagi diberi kepercayaan memberi sentuhan emasnya pada lagu-lagu



BAGAI BULAN JATUH KE RIBA: Encik Danial Ariffin Azman suka bereksperimen dengan susunan lagu, terbuka dengan kritikan dan baru-baru ini mendapat tawaran menghasilkan lagu untuk penyanyi setempat, Imran Ajmain dan Rahimah Rahim. — Foto KHALID BABA

medley muzikal *Beauty World* (ciptaan Dick Lee juga), dalam satu konsert susulan simfoni itu di Esplanade, Julai lalu.

Kini, tanpa diduganya, beliau berusia 22 tahun dan seorang teman sekursusnya, Encik Muhaimin Zain, 25 tahun, 'dilamar' penyanyi Imran Ajmain untuk menyiapkan lagu-lagu bagi album akan datang Imran.

Mereka juga terlibat dalam pembikinan album 'kembali semula' penyanyi veteran setempat, Rahimah Rahim.

Dengan senarai pencapaian dan projek menariknya itu, maka wajarlah Encik Danial dianugerahkan dengan Anugerah Belia Harapan Goh Chok Tong, baru-baru ini.

Sewaktu ditemui *Gah!* di Politeknik Republic, lulusan Nitec Lanjutan dalam Pengurusan Acara di Institut Pendidikan Teknikal (ITE) Bishan itu berkata:

"Saya payah hidup tanpa muzik yang melegakan stres. Minat bermain piano timbul sejak ikuti kelas muzik di tadika.

"Saya 'rembat' main piano dengan kesemua jari jemari saya tanpa ada teknik khusus, tapi ditegur guru.

"Melihat minat saya terhadap piano, saya dihidiahkan piano mainan oleh bapa saya. Hanya setelah saya masuk darjah empat, barulah saya ikuti kelas piano secara serius tapi berhenti separuh jalan kerana mula sibuk dengan komitmen pancaragam sekolah."

Rasa terujanya untuk lebih tahu tentang muzik semakin meluap-luap ketika bermain alat muzik genderang bersama pancaragam Sekolah Menengah Swiss Cottage.

Beliau lebih banyak belajar sendiri dan

bereksperimen dengan selok-belok menyusun semula lagu di samping mengikuti kursus konduktor.

Ditontonnya berulang kali rakaman klip video yang memaparkan Encik Iskandar Mirza dan Allahyarham Haji Ahmad Jaafar sebagai konduktor sesebuah orkestra dalam program televisyen setempat.

Beliau juga menyertai sayap beliau Orkestra Melayu Singapura (OMS) dan band jaz di ITE.

Kerana penglibatan aktifnya dan sumbangannya memajukan mutu kumpulan muzik di ITE, beliau turut dihidiahkan Anugerah Kecemerlangan Seni ITE pada 2010 dan 2011.

Anugerah Pingat Emas Kegiatan Kokurikular (CCA) ITE 2011 pun diraihnya.

Ditanya mengenai perjalanan panjangnya menyusuri pengajian di ITE sebelum ke politeknik, Encik Danial akur tidak pernah menyesalinya.

Anak tunggal seorang eksekutif operasi kanan dan suri rumah itu menjelaskan:

"Bidang pengurusan acara yang saya ikuti di ITE memang tiada kena mengena dengan minat dalam bidang muzik.

"Saya lalui jerih payah perjalanan panjang di ITE. Apabila habis peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) Peringkat 'N' dan kemudian Peringkat 'O', saya ke ITE kerana gagal dalam matematik.

"Bagaimanapun, saya menganggap ada hikmah di sebalik segalanya. Saya banyak belajar tentang tugas di belakang tabir dan belakang pentas. Ia menyeronokkan."

Encik Danial, dalam pada itu, bersyukur bertemu dengan insan-insan yang banyak memperkaya pengetahuannya tentang muzik.

Yang menariknya, pemuda ini meminati muzik tradisional Melayu selain muzik orkestra dan irama *fusion*.

Lantaran itu, beliau teruja diberi peluang oleh pejuang muzik tradisional Melayu, Encik Zubir Abdullah, untuk menyusun semula irama *Zapin Teluk Belanga* buat sajian konsert Orkestra Cina Marsling.

"Saya gembira dapat bertukar-tukar fikiran dengan Encik Zubir. Saya pula jenis yang terbuka dengan sebarang kritikan demi memperbaiki mutu susunan lagu saya.

"Saya sedia bekerja keras demi dapatkan yang terbaik. Cabarannya adalah memastikan irama lagu zapin dapat disesuaikan dengan nada alat muzik tradisional Cina," ceritanya lagi.

Buat masa ini, beliau dan rakannya, Encik Muhaimin terharu diberi Imran Ajmain peluang untuk mencipta lagu bagi album penyanyi itu dan Rahimah Rahim.

"Bagaikan bulan jatuh ke riba. Semuanya berkat Ramadan lalu. Kami mencipta lagu *Syawal Yang Lalu* setakat untuk suka-suka.

"Selepas muatnaikkan ke laman perkongsian audio SoundCloud, kami kirim pesan *tweet* kepada Abang Imran.

"Tak sangka kami diminta ke Kuala Lumpur untuk bertemu dengan Abang Imran dan bosnya daripada agensi pengurusan bakat, Datuk Fazley Yaakob, yang juga cef selebriti, penyanyi dan pakar motivasi.

"Tahu-tahu, kontrak ditandatangani dan kini kami ada projek baru untuk diusahakan," tambahnya penuh semangat.